

Dasar Privasi

Kami komited untuk melindungi data peribadi semua pembida di laman web UNIMAS8. Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai polisi yang dinyatakan di bawah, sila hubungi kami menerusi nombor telefon seperti berikut:-

Bahagian Endowmen dan Wakaf : 082-581918 / 082-592792

E-mel : endowment@unimas.my

Privasi Anda

Halaman ini menerangkan dasar privasi yang merangkumi penggunaan dan perlindungan maklumat yang dikemukakan oleh pengunjung.

Sekiranya anda membuat transaksi atau menghantar e-mel yang mengandungi maklumat peribadi, maklumat ini mungkin akan dikongsi bersama-sama dengan jabatan lain dalam UNIMAS untuk membantu menyelesaikan setiap proses pembelian nombor plat khas atau bidaan. Namun begitu, maklumat e-mel anda tidak akan dijual atau dikongsi dengan mana-mana pihak ketiga yang akan menyalahgunakan e-mel anda atau menginginkan keuntungan daripada maklumat tersebut.

Maklumat Yang Dikumpul

Tiada maklumat peribadi akan dikumpul semasa anda melayari sistem UNIMAS8 ini kecuali maklumat yang dikemukakan oleh anda semasa pendaftaran sahaja.

Sekiranya anda membida dan membuat bayaran, maklumat tentang bayaran, kaedah pembayaran dan jenis perbankan yang anda gunakan akan disimpan bagi tujuan melindungi hak anda sebagai pembida di sepanjang proses bidaan dilakukan.

Pindaan Dasar

Sekiranya dasar privasi ini dipinda, semua pindaan dan maklumat yang terkini akan dipaparkan melalui halaman ini.